

# Edisi

## MAIS

[www.mais.gov.my](http://www.mais.gov.my) / No.ISSN: 289-635X

Fahami Hutang  
Akhirat

Ms 4

## Hutang Dunia VS Hutang Akhirat

Bahana Hutang:  
Muflis Di Usia  
Muda

Ms 5

Cabaran  
Menguruskan Emosi  
Orang Berhutang

Ms 8

SS lwn MFA  
Permohonan  
Pengesahan Lafaz  
Ceraai

Ms 9



### Kata-Kata Hikmah

Hadapilah setiap ujian dalam kehidupan dengan penuh ketenangan dan kesabaran kerana ianya akan membuahkan kebahagiaan.

Dr. Che Mad

Fidyah Atau  
Qada' Puasa

Ms 17



# Lakaran Kepimpinan Pengerusi MAIS

**T**an Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof, anak kelahiran Sabak Bernam, Selangor ini telah memulakan karier hidupnya bermula tahun 1973 sebagai Perangkawan di Jabatan Perangkaan Kuala Lumpur. Dari saban tahun ke tahun, karier beliau semakin bertambah baik. Jejaknya di Negeri Selangor, bermula dengan jawatan pertama di sandang oleh beliau ialah Pegawai Kewangan Negeri Selangor tahun 1995.

Kemudian beliau telah ditawarkan sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Selepas itu, beliau kembali semula ke Negeri Selangor pada tahun 2001 sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri. Setelah perkembangan karier beliau semakin dikenali oleh masyarakat, karier beliau terus semakin terkenal dengan bermula tahun 2008 beliau telah menjawat jawatan Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia.

Di SPR beliau telah berkhidmat selama lapan (8) tahun bermula tahun 2008 hingga 2016. Pengalaman yang cukup luas dalam perkhidmatan awam di Malaysia dan Negeri Selangor khususnya membuat beliau sangat mahir dalam hal ehwal pengurusan dan pentadbiran.

Karakter beliau yang mesra berbicara membuatkan beliau sangat rapat dengan pelbagai lapisan masyarakat. Tidak dilupakan juga kemesraan beliau bila berhadapan dengan pengamal media. Beliau dikenali sebagai mesra media oleh pengamal media. Apabila ditanya mudah memberi maklum balas kepada wartawan yang bertanyakan soalan. Sehingga jawapan yang diberi hampir tepat dengan apa yang dimahukan.

Kini, atas kepercayaan dan pengalaman beliau, Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor berkenan untuk melantik Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof sebagai Pengerusi MAIS yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2021 hingga 31 Disember 2023. Lantikan beliau sebagai Pengerusi MAIS adalah selaras dengan peruntukan Seksyen 11, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) Tahun 2003.

Memimpin organisasi agama bukanlah baharu bagi beliau, namun setiap penambahbaikan perlu dilaksanakan mengikut kepada peredaran semasa. Begitulah kerjaya beliau yang boleh dijadikan contoh atau ikon yang berjaya

pada masa kini. Sehingga kini, beliau sentiasa dilawati oleh orang-orang ternama bagi mendapatkan buah fikiran serta bertukar pendapat daripada beliau terutama melibatkan sistem pengurusan dan pentadbiran semasa. **Edisi**



## MAKLUMAT PERIBADI:

Nama Penuh : YAD Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof  
Tarikh Lahir : 24 Januari 1950  
Tempat Lahir : Sabak Bernam, Selangor  
Pendidikan : M.SC (Computer System Applications), The American University, Washington DC, United States of America (1980 – 1982), B.Economics (Honours) University Malaya, Malaysia



Sidang Editorial  
**EDISI**

**KETUA PENGARANG**  
Noormala binti Mohd Saad

**PENGARANG**  
Muhammad Syafiq bin Ahmad Fozi

**EDITOR**  
Salawati binti Hamid

**SUBEDITOR/PRUF**  
Norzaili bin Taib

**JURUFOTO**  
Shahrul Effendy bin Md Saat

**KOLUMNIS**  
Hamizul bin Abdul Hamid  
Halim bin Mokhtar  
Siti Zurinah binti Zainal Abidin  
Mohd Hafiz bin Abdul Salam  
Ahmad Firdaus bin Muhammad  
Hasal bin Senin

# Hutang Dunia vs Hutang Akhirat

Oleh: **Ustaz Hamizul bin Abdul Hamid** ([hamizul@zakat.selangor.com.my](mailto:hamizul@zakat.selangor.com.my))  
Ketua Jabatan Sekretariat Dakwah, Lembaga Zakat Selangor (MAIS)

**Z**aman moden, hutang menjadi produk terlaris. Bank berlumba menawarkan hutang yang dijenamakan sebagai pembiayaan atau ditransformasi menjadi kad yang cantik: kad kredit.

Lalu hutang menjadi gaya hidup. Berbelanja di mall, bayarnya hutang. Sekeping kad dengan logo dan kalimah tertentu, menjadi lambang status. Ya, 'gold' tidak sama dengan 'platinum'. Akhirnya hutang menjadi satu kebanggaan.

Islam mengharuskan hutang dan menjadi sub topik dalam ilmu fiqh. Dalam zakat, ada bab zakat ke atas hutang. Dalam zakat perniagaan, ada hutang perniagaan (kreditur atau debitor) yang diambil kira. Malah ayat terpanjang al-Quran adalah tentang hutang (al-Baqarah ayat 282). Ditil sungguh Allah SWT mengupas isu hutang.

Ini kerana, hutang adalah perangkap 'paling maut'. Ia bukan sahaja menyusahkan di dunia, malah lebih 'menangis' lagi di sana. Bayangkan, kala mati syahid menjadi pasport yang membolehkan orang masuk syurga tanpa hisab; namun imigresen akhirat boleh membatalkannya kerana hutang.

Nabi menyatakan: "Seandainya seorang lelaki syahid di jalan Allah, kemudian dihidupkan lagi, lalu dia syahid lagi kali kedua, dan dia masih berhutang, maka dia tidak akan masuk syurga sehingga hutangnya dilunasi." (Riwayat Ahmad dan an-Nasai)

Maka, solusi harus dicari sebelum kita mati. Kerana, di akhirat nanti tiada namanya 'U-Turn', yang ada hanya dua destinasi: syurga atau neraka. Berikut ini adalah tips menangani hutang:

1. Duduk dengan tenang dan senaraikan hutang kita satu persatu. Hutang ada tiga jenis:
  - a. Hutang dengan institusi misalnya bank atau koperasi dan dijamin takaful. Tiada risiko.
  - b. Hutang dengan manusia, seperti kawan-kawan dan keluarga. Hutang berisiko. Tiada jaminan takaful, tiada catatan dan tiada saksi.
  - c. Hutang dengan Allah SWT, misalnya fidyah puasa, dam haji, kaffarah (zihar, sumpah dan sebagainya), diyat (denda qisas), zakat dan sebagainya. Hutang berisiko, tidak langsung dengan taubat dan mesti dibayar.
2. Catatkan semuanya di dalam sebuah buku khas atau e-mailkan kepada waris (anak isteri) bersama tarikh

catatan hutang itu dibuat, dengan nota: "Buka jika ayah mati."

3. Usahakan pembayaran hutang berkenaan satu persatu. Bermula dari yang kecil sehingga yang besar.
4. Selepas berjaya bayar sebahagian hutang, maka sila kemaskini perkara (2) di atas. Selepas itu jangan lupa, e-mail semula wasiat hutang itu kepada waris.
5. Berikut adalah contoh wasiat hutang:

## KEPADA WARIS-WARIS, INI ADALAH WASIAT MENGENAI HUTANG-HUTANG AYAH:

### A: Sebagai pemberi hutang (kreditur)

1. Memberi hutang kepada Pakcik Leman adik ayah RM2,000 dan masih belum dibayar. Ada saksi iaitu Makcik Mun adik ayah.
2. Memberi hutang kepada Hj. Razali imam kampung untuk membeli lembu korban RM5,000. Saksi dan dokumen ada (lampirkan).
3. Meminjamkan Budin drebar bas sekolah sebanyak RM250 mengisi minyak bas. Belum bayar.

### B: Sebagai penerima hutang (debitor)

1. Berhutang dengan Hj. Ramli Pengerusi JKKK sebanyak RM500 untuk membaiki kereta.
2. Berhutang dengan Hafiz pengusaha kantin sekolah depan rumah RM10,000 buat kenduri akikah.
3. Hutang zakat simpanan di Lembaga Zakat Selangor RM7,500 belum bayar lagi.
4. Hutang kaffarah langgar sumpah di MAIS RM1,500 belum bayar lagi.

Jika ditakdirkan ayah meninggal dunia, sila ambil harta ayah (KWSP dan sebagainya) dan bayarkan semua hutang-hutang ini sebelum harta-harta itu dibahagikan di antara waris. Sekian, terima kasih.

Tarikh: 10 Mac 2021

Yang benar;

t.t

Abu Said al-Khudri bin Abdullah

Sila merujuk ke Bahagian MAL MAIS untuk membayar hutang dengan Allah SWT (kaffarah dan fidyah). Manakala untuk hutang zakat boleh terus merujuk kepada pihak LZS. Wallahua'lam. **Edisi**

# Fahami Hutang Akhirat

Oleh: **Ustaz Hamizul bin Abdul Hamid** ([hamizul@zakatselangor.com.my](mailto:hamizul@zakatselangor.com.my))  
Ketua Jabatan Sekretariat Dakwah, Lembaga Zakat Selangor (MAIS)

**H**utang akhirat adalah tajuk yang jarang dibahas. Kali ini, Edisi cuba membuka jalan agar kita semua dapat menghisab diri. Adakah kita juga termasuk orang yang berhutang di akhirat? Semuanya bertitik mula dari dua kalimah: 'Hubungan dan hak'.

Ya, hidup kita tidak terlepas daripada dua hubungan, iaitu hubungan dengan Allah SWT dan hubungan sesama manusia. Dua bentuk hubungan ini juga berkonotasi kepada dua hak, iaitu hak kepada Allah SWT dan hak kepada manusia. Apabila hak-hak itu tidak dilunasi di dunia, maka ia menjadi beban hutang di akhirat. Banyak dalil mengenainya.

Misalnya, Allah SWT mengancam golongan ingkar zakat dengan azab di akhirat (rujuk at-Taubah: 34). Kenapa? Ya, kerana enggan berzakat hakikatnya mengingkari dua hak. Pertama, hak kepada Allah (mematuhi arahan-Nya) dan kedua, hak kepada manusia (asnaf). Ia merosakkan hubungan dengan Khalik dan makhluk.

Selain itu, mengabaikan hak manusia juga boleh berlaku apabila seseorang itu menzalimi orang lain. Kesannya, si penzalim terpaksa membayar hutang itu di akhirat dengan transaksi pahala. Akhirnya dia muflis. Inilah kategori hutang akhirat paling dahsyat. Maka, elakkan perbuatan zalim sesama manusia, termasuk enggan berzakat kerana ia menzalimi asnaf.

Sabda Nabi SAW: *"Maka mereka (yang dizalimi) itu akan diberi pahala daripada kebaikan-kebaikannya. Jika telah habis (pahala) kebaikan-kebaikannya, maka dosa-dosa mereka (yang dizalimi) akan dipindahkan kepadanya (maka dia pun muflis)."* (Riwayat Imam Muslim).

Di samping itu, mengabaikan hak Allah SWT juga boleh berlaku dalam kategori yang tidak bersangkutan dengan hubungan dan hak manusia. Misalnya membuka aurat. Pelakunya berdosa dan wajib bertaubat. Jika tidak, ia menjadi hutang akhirat dan boleh disiksa.

Nabi SAW bersabda: *"Dan sesiapa sahaja yang melanggarnya (melakukan dosa) kemudian Allah menutupinya (lolos dari hukuman dunia), maka urusan itu diserahkan kepada Allah."*

*Jika Allah berkehendak maka Dia akan menyiksanya dan jika Dia berkehendak maka Dia akan memaafkannya".* (Riwayat Bukhari).

Realitinya, untuk mengelakkan musibah hutang akhirat, kita hanya perlu melakukan dua perkara. Pertama, taatilah semua perintah Allah SWT. Kedua, tinggalkan semua larangan-Nya. Solat, zakat, puasa dan haji adalah asas. Itu pun hanya menjadi wajib apabila cukup segala syaratnya. Selain itu, iringi dengan ibadah sunat.

Satu-satunya cabaran manusia ialah hawa nafsu yang sering berkomplot dengan Syaitan. Komplotan ini terlalu licik. Menyebabkan manusia mudah tertipu. Akhirnya, tanpa sedar terjebak dosa. Jika dosa dengan Allah SWT lebih mudah; namun dosa sesama manusia memang payah. Mengumpat, perlu dimaafkan oleh orang yang diumpat. Jika tidak, jadilah ia hutang akhirat.

Bukan itu sahaja, para waris juga perlu berusaha meringankan dosa orang yang meninggal dunia agar tidak berhutang di akhirat. Caranya, semaklah hutang si mati. Jika ada hutang dengan manusia, tolong selesaikan. Jika ada hutang dengan Allah SWT (zakat, fidyah, kaffarah dan sebagainya), bantu lunaskan.

Atas dasar itu, ada empat perkara yang perlu dilakukan oleh waris kepada seseorang yang meninggal dunia, iaitu:

- A** Menguruskan jenazahnya
- B** Menjelaskan semua hutangnya
- C** Menunaikan wasiatnya
- D** Mengagihkan harta kepada warisnya

Elakkan mengagihkan harta si mati dalam keadaan hutangnya belum selesai. Jika para waris mengabaikannya, maka semua hutang itu akan di bawa ke akhirat. Malah waris turut dikira bersubahat. Dalam urusan ini, MAIS sentiasa bersedia memberikan khidmat nasihat. Wallahua'lam. **Edisi**

## WANG TIDAK PATUH SYARIAH (WTPS)

Lupuskan Wang Tidak Patuh Syariah anda ke Baitulmal MAIS



<http://fpx.mais.gov.my/epay/syubhah.php>



# BAHANA HUTANG: MUFLIS DI USIA MUDA

Oleh: Halim bin Mokhtar (halim@kuis.edu.my)  
Pensyarah Fakulti Pengajian Peradaban Islam, KUIS

**G**enerasi kini lebih berminat mengamalkan gaya hidup berhutang semata-mata untuk dilihat hidup dalam kemewahan. Mereka bukan sahaja terpengaruh dengan rakan-rakan tetapi juga saling berlumba-lumba untuk menonjolkan kemewahan material yang mereka miliki.

Prinsip 'biar papa asal bergaya' akhirnya menjadikan individu yang suka berbelanja tanpa mengikut kemampuan terjebak di dalam kancas hutang yang serius. Mengikut statistik daripada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), seramai 64,632 rakyat Malaysia telah direkodkan muflis membabitkan usia seawal 18 hingga 44 tahun.

Hutang menjadi suatu keperluan kepada mereka yang kurang berkemampuan kerana mereka berhutang untuk memenuhi tuntutan hidup. Ada yang terpaksa berhutang demi memenuhi keperluan kehidupan seperti mendapatkan makanan, tempat tinggal, pendidikan dan seumpamanya dan ada yang berhutang demi memenuhi tuntutan nafsu semata-mata seperti hiburan dan perhiasan.

Mereka yang berhutang biasanya disebabkan oleh personaliti individu itu sendiri yang suka berhutang untuk memenuhi kehendak diri. Disamping itu terpengaruh dengan rakan yang menjadikan hutang sebagai gaya hidup untuk kelihatan bergaya usia muda dan kerjaya.

Tidak salah memilih gaya hidup yang dikehendaki, tetapi ukurlah baju di badan sendiri, jalan mana yang hendak dilalui sama ada jalan menuju kebahagiaan atau kesengsaraan. Elakkan menanggung hutang yang banyak kerana ia adalah satu beban yang berat tetapi berbelanja seperti kata peribahasa Melayu 'sempit bertelemu, lega berlunjur'.

Dari perspektif Islam, hukum berhutang adalah harus dengan syarat penghutang perlu membayar hutang tersebut. Hutang adalah satu akad atau janji, wajib untuk dibayar dan haram jika tidak menunaikannya. Keutamaan perlu diberikan kepada perkara *al-daruriyat* berbanding perkara *al-hajiyat*.

Bersedia menyelesaikan hutang dan mengehendkan pembelian secara berhutang. Bimbang akan ancaman hukuman di akhirat. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud *"Mana-mana lelaki yang berhutang dan dia sudah pasti tidak melunasinya, maka ia akan bertemu Allah SWT sebagai seorang pencuri"* (Riwayat Ibn Majah).

Ingatlah mereka yang mempunyai kemampuan membayar sama ada secara sekali gus atau sedikit demi sedikit, namun sengaja tidak mahu membayar dan melenghakkannya. Tindakan ini dikutuk oleh Nabi SAW sepertimana maksud hadith *"Penangguhan dengan sengaja oleh penghutang adalah suatu kezaliman"*. (HR Bukhari dan Muslim).

Hadith ini dengan jelas menyatakan betapa pentingnya hutang itu dibayar oleh penghutang. Hutang yang tidak dibayar juga akan menyebabkan hilangnya keberkatan di dalam rezeki yang diperolehi dan mengundang kesempitan kepada rohani dan mental.

Tingkatkan amal soleh dan sentiasa berdoa dibebaskan dari belenggu hutang. Amalan berhutang bakal memberikan kesusahan di waktu malam dan menjadi satu penghinaan di waktu siang. Nabi Muhammad SAW sendiri sentiasa memohon kepada Allah agar sentiasa terhindar daripada berhutang. *"Ya Allah, sesungguhnya aku berunding kepada Engkau dari kedukaan dan kesedihan. Aku berunding kepada Engkau dari sifat lemah dan malas. Aku berunding kepada Engkau dari sifat pengecut dan bakhil. Dan aku berunding kepada Engkau dari bebanan hutang dan penindasan manusia."* (HR Abu Daud)

Kesimpulannya setiap individu tidak dapat mengelakkan diri daripada berhutang, bezanya adalah alasan untuk berhutang. Kebijaksanaan dalam menguruskan kewangan dapat membezakan keperluan dan kehendak, merancang pembelian, amalkan gaya hidup sederhana serta sentiasa beringat kerana ia merupakan formula terbaik di dalam menjalani kehidupan yang semakin mencabar. #beranibuatberanitanggung. **Edisi**

www.mais.gov.my



**Keluasan: 101,540 kps  
RM100,000.00/sebulan**

**PREMIS/PASARAYA UNTUK SEWA DI KAWASAN KLANG !!  
PUSAT BANDARAYA KLANG** (Bersebelahan LHDN Klang)

Berdekatan dengan Hong Leong Bank • Berdekatan dengan Standard Chartered Bank • Berdekatan dengan Toyota Klang • Berdekatan dengan Pasaraya Centrepont • Berdekatan dengan Mydin Klang • Berdekatan dengan Terminal Bus Klang

Terus whatsapp kami di

**www.wasap.my/60192640631 , www.wasap.my/60192302040  
atau 03-55143400 samb 2187.**

# “Hukum Hutang”

Oleh: **Hasal bin Senin (hasal@mais.gov.my)**  
Pembantu Eksekutif (Unit Pembangunan Kompetensi, MAIS)

**A**gama Islam tidak melarang kita untuk berhutang, bahkan nas yang membicarakan berkaitan hutang piutang amat jelas sekali di dalam al-Quran. Ini memberi satu gambaran yang jelas bahawa Islam adalah satu agama yang syumul dari semua aspek. Tuntutan untuk merekod hutang piutang adalah sunat di dalam agama Islam. Firman Allah SWT dalam Surah Al-Baqarah ayat 282 yang bermaksud;

**Maksudnya:** “Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang piutang yang diberi tempoh hingga ke suatu masa yang tertentu maka hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayarannya) itu dan hendaklah seorang penulis di antara kamu menuliskannya dengan adil (benar).”

Ibn Kathir menerangkan, “Ayat ini merupakan panduan daripada Allah SWT kepada hambaNya yang mukmin untuk menulis atau merekod sekiranya bermuamalah dengan cara bertangguh (berhutang). Imam al-Sa’di menyatakan ayat ini mengandungi hukum yang besar dan bermanfaat dari aktiviti merekod hutang bagi mengelakkan mudarat yang lebih besar. Imam al-Maraghi menyebut, suruhan seperti ini lebih kepada menyuruh hambanya yang mukmin untuk menjaga hutang piutang mereka merangkumi akad pinjaman dan salam.”

Demikian juga hadis yang diriwayatkan oleh Ka’ab bin Malik RA;

**Maksudnya:** “Suatu ketika dia menuntut Abdullah bin Abu Hadrad supaya membayar hutangnya. Peristiwa ini berlaku di dalam masjid. Suara mereka riuh rendah hingga didengari oleh Rasulullah SAW walaupun Baginda ketika itu berada di dalam rumahnya. Lalu Rasulullah SAW keluar menemui mereka hingga terselak langsir bilik Baginda. Baginda memanggil Ka’ab bin Malik: “Wahai Ka’ab”, Ka’ab menjawab: “Ya, aku datang wahai Rasulullah”. Sambil mengisyaratkan dengan tangannya Baginda bersabda: “Rebatlah sebahagian”. Ka’ab membalas: “Ya, wahai Rasulullah”. Lalu Rasulullah SAW bersabda: “Bangunlah, bayarlah hutang itu kepadanya.” (Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Hukum melambatkan atau menangguhkan pembayaran hutang bagi mereka yang berkemampuan adalah haram. Perkara ini adalah seperti mana hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah R.A, Nabi SAW bersabda:

**Maksudnya:** “Menangguh pembayaran (hutang) bagi orang yang mampu adalah kezaliman, jika salah seorang dari kamu memindahkan hutang itu pada orang yang kaya, maka terimalah ia (pemindahan hutang).” (Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Bagi mereka yang tidak mampu pula, adalah sebaiknya bagi pemiutang menangguhkan serta melambatkan proses melangsaikan hutang tersebut. Ini berdasarkan kepada firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah ayat 280.

**Maksudnya:** “Dan jika orang yang berhutang itu sedang mengalami kesempitan hidup, maka berilah tempoh sehingga ia lapang hidupnya dan (sebaliknya) bahawa kamu sedekahkan hutang itu (kepadanya) adalah lebih baik untuk kamu, kalau kamu mengetahui (pahalanya yang besar yang kamu akan dapati kelak).”

Imam al-Maraghi menjelaskan ayat ini: “Sekiranya penghutang sedang mengalami kesulitan, hendaklah pemiutang menunggu atau memberi tempoh sampai ada kelapangan sehingga memungkinkan dia melunaskan hutang. Namun begitu, bersedekah kepada orang yang berhutang yang sedang menanggung kesulitan dengan membebaskan sebahagian atau seluruh hutangnya adalah lebih baik bagi pemiutang dan lebih besar pahalanya di sisi Allah SWT daripada menunda masa pembayaran mereka.”

Diharapkan setelah mengetahui hukum berkaitan hutang ini, maka berusaha untuk menjadi individu yang suka memudahkan urusan orang lain yang dalam kesusahan dengan memberikan pinjaman atau hutang dan masa yang sama bersungguh untuk membayar hutang kepada orang lain. Moga jadi asbab kebaikan. **Edisi**

## PREMIS UNTUK SEWA DI KAWASAN KLANG !! PERSIARAN RAJA MUDA MUSA TINGKAT 1 (Bersebelahan JMC Klang)

Berdekatan dengan JMC Specialist Medical Centre  
Berdekatan dengan Hin Hua High School Klang  
Berdekatan dengan Sri Sunderaraja Perumal Temple  
Berdekatan dengan Balai Polis Trafik Klang  
Berdekatan dengan SMK Tengku Ampuan Rahimah Klang  
Berdekatan dengan SK La Salle Klang

**Keluasan: 129.93mp  
RM1500.00/sebulan**



Terus whatsapp kami di  
[www.wasap.my/60192640631](http://www.wasap.my/60192640631), [www.wasap.my/60192302040](http://www.wasap.my/60192302040)  
atau 03-55143400 samb 2187

# Hukum Bitcoin Dan Forex

Oleh: Ahmad Firdaus bin Muhammad (firdaus@mais.gov.my)  
Exsekutif Penyelidikan, MAIS

**F**irman Allah SWT tentang rezeki dalam surah Al-Mukminun (51) iaitu "Wahai Rasulullah, makanlah dari benda yang baik lagi halal dan kerjakanlah amal-amal soleh". Mencari pendapatan dari sumber halal merupakan kewajipan setiap muslim. Fokus yang ingin dikupas dalam topik ini ialah berkaitan dengan urus niaga pertukaran mata wang asing iaitu Bitcoin dan Forex.

Persoalan yang berbangkit dan menjadi perhatian topik perbincangan masyarakat di Malaysia ialah adakah Bitcoin dan Forex itu dibolehkan syarak dan apakah hukum urus niaga tersebut? Penulis hanya akan membawa perbincangan ini dengan mengemukakan pandangan fatwa atau kajian yang telah dikeluarkan di Malaysia sahaja.

## PANDANGAN HUKUM ISU BITCOIN

Menurut fatwa Wilayah Persekutuan dalam Bayan Linas Siri – 153 : Hukum Penggunaan Mata Wang Bitcoin disimpulkan bahawa "Secara tuntasnya, setelah menilai pandangan ulama dan sarjana Islam berkenaan bitcoin, **maka didapati mata wang ini tidak menepati ciri-ciri mata wang yang ditetapkan dalam Islam apabila ia tidak mampu menyimpan nilai secara konsisten.**

Meskipun masyarakat umum boleh menerimanya sebagai mata wang namun ketidakstabilan nilai pada mata wang ini boleh mengundang kemudaratn kepada pengguna pada masa akan datang. Berdasarkan pemerhatian terhadap amalan semasa, Bitcoin lebih dilihat sebagai satu aset pelaburan, dan ia tidak menepati tujuan asal penciptaan Bitcoin itu sendiri, iaitu sebagai mata wang alternatif kepada sistem mata wang Fiat yang sedia ada.

## PANDANGAN HUKUM ISU FOREX

Merujuk kepada keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-98 yang bersidang pada 13-15 Februari 2012 telah memutuskan **bahawa perdagangan pertukaran mata wang asing (forex) oleh individu secara lani (individual spot forex) melalui platform elektronik yang ada pada masa ini adalah haram kerana ia bercanggah dengan kehendak syarak dan juga tidak sah dari sisi undang-undang negara.**

Keputusan ini tidak terpakai ke atas urus niaga pertukaran mata wang asing menerusi kaunter pada pengurup wang

berlesen dan yang dikendalikan oleh institusi-institusi kewangan yang dilesenkan di bawah undang-undang Malaysia.

Pandangan ini juga disokong oleh Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Negeri Pahang Bil. 1/2012 yang bersidang pada 14-15 Mac 2012 telah membincangkan Parameter Perdagangan Pertukaran Mata Wang Asing.

## KESIMPULAN

Pelbagai pandangan dan hujah boleh didapati tentang kedua-dua isu ini selain yang ditulis di atas. Sebagai seorang Islam, kita diberikan pilihan untuk menentukan sumber rezeki, namun ia mestilah berpandukan kepada syariat Islam. Apa pun hujah yang diambil sebagai dalil untuk diharuskan, dihalalkan atau diharamkan, akhirnya setiap amalan tersebut akan dihisab oleh Allah SWT.

Transaksi yang tidak halal itu adalah dikenali sebagai Wang Tidak Patuh Syariah. Harta atau Wang Tidak Patuh Syariah ini adalah haram dan tidak boleh digunakan bagi tujuan kepentingan diri sendiri atau keluarga. Allah SWT berfirman dalam surah al-Baqarah ayat 188 yang membawa maksud:

***Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya).***

Salurkan Wang Tidak Patuh Syariah kepada Baitulmal MAIS atau Majlis Agama Islam Negeri agar kebaikan dapat disebarluaskan kepada seluruh masyarakat Islam. Wang Tidak Patuh Syariah ini juga boleh disalurkan melalui <http://fpx.mais.gov.my/epay/syubhah.php>. Untuk maklumat lanjut, bolehlah layari di [www.mais.gov.my](http://www.mais.gov.my).  
**Edisi**

# Cabaran Menguruskan Emosi Orang Berhutang

Oleh: **Muhammad Syafiq bin Ahmad Fozī (syafiq@mais.gov.my)**  
Penolong Pengurus Komunikasi Korporat MAIS

**H**utang. Hutang merujuk kepada penyerahan sesuatu barang atau harta daripada pemiutang kepada penghutang dengan syarat barang tersebut atau sesuatu yang sama nilai dengannya akan digantikan kembali kepada pemilik asal tanpa sebarang penambahan. Hutang juga menunjukkan satu sikap untuk membeli barang di luar kemampuan kita. Contoh untuk membeli rumah dan kereta. Harga rumah dan kereta adalah di luar kemampuan kita. Namun, untuk memilikinya kita perlu membuat pinjaman bagi mendapatkan barangan tersebut.

Secara psikologinya hutang melihat kepada keperibadian seseorang. Selalunya sikap seperti ini terjadi apabila kita melihat persekitaran hidup di sekelilingnya dengan cara hidup mewah dan terikut-ikut dengan peredaran zaman. Bak pepatah Melayu "Hutang Keliling Pinggang".

Kembali semula kepada ajaran Islam. Agama Islam tidak melarang kita untuk berhutang, namun terdapat keperluan yang penting sebab apa perlu berhutang. Allah SWT berfirman di dalam al-Quran di dalam surah al-Baqarah ayat 282 yang bermaksud:

*"Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang piutang yang diberi tempoh hingga ke suatu masa yang tertentu maka hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayarannya) itu dan hendaklah seorang penulis di antara kamu menuliskannya dengan adil (benar)."*

Hukum berhutang pula adalah harus. Walau bagaimanapun dalam lain-lain perkara, hukum berhutang berubah mengikut keadaan. Jika seseorang itu benar-benar kesuntukan dan memerlukan wang untuk membiayai keluarganya, maka wajib untuk dia berhutang. Manakala hukum berhutang bagi pemberi hutang (pemiutang) adalah berubah mengikut keadaan dalam tiga (3) bentuk iaitu:

## Haram

Jika pemiutang mengetahui hutang tersebut akan digunakan untuk tujuan yang diharamkan seperti minum arak, judi dan sebagainya;

## Makruh

Jika pemiutang mengetahui hutang tersebut akan digunakan untuk perkara yang tidak bermanfaat atau menunjuk-nunjuk, ataupun penghutang tahu dia tidak mampu membayar semula hutang tersebut; dan

## Wajib

Jika pemiutang mengetahui orang yang berhutang amat memerlukan hutang tersebut untuk menampung hidupnya dan keluarganya dan tiada cara lain untuk dia memperolehnya kecuali dengan cara berhutang.

Keterhutangan yang serius boleh menyebabkan seseorang mengalami tekanan yang sangat tinggi akibat memikirkan cara untuk menyelesaikan hutang. Hutang adalah sesuatu yang membebankan. Oleh itu, cara pengurusan hutang adalah sangat penting agar kita tidak terjerumus ke lembah muflis.

Antara kaedah yang boleh digunakan dalam menangani tekanan dalam menguruskan hutang ialah:

### 1. Merubah corak pemikiran

Individu yang berhutang perlu menerima hakikat dengan berhadapan dengan krisis hutang ini. Penerimaan seperti ini dapat membolehkan individu mengenal pasti pemikiran negatif dan seterusnya menjana pemikiran yang positif seperti menabung.

### 2. Mendapatkan nasihat pengurusan kewangan yang baik

Individu yang berhutang perlu dapatkan nasihat dalam pengurusan dan cara penyelesaian hutang dengan baik. Khidmat bantuan nasihat dan kaunselor juga telah disediakan seperti dapatkan nasihat di Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)

### 3. Menguruskan tekanan dengan cara baik

Apabila corak pemikiran telah diubah dan mendapatkan nasihat pengurusan kewangan yang baik, individu yang berhutang perlulah menjalani aktiviti-aktiviti yang dapat mengurangkan tekanan dan mengimbangi emosi. Antaranya bersenam, melakukan hobi yang diminati dan pelbagai aktiviti yang boleh meningkatkan elemen positif di sekelilingnya.

Kesimpulannya cara pengurusan hutang yang baik dapat menjamin kesihatan minda yang baik dan seterusnya dapat menjadikan kehidupan lebih bermakna mengikut syariat Islam yang sebenarnya. Utamakan keperluan dan jauhi kehendak. InshaAllah kehidupan lebih aman dan damai. **Edisi**



SS lwn MFA

# Permohonan Pengesahan Lafaz Cerai

Susunan Oleh: Siti Zurinah binti Zainal Abidin (zurinah@mais.gov.my)  
Sumber: www.jakess.gov.my

[Mahkamah Rayuan Syariah Selangor, Kes Rayuan No. XXXX YAA XXXX (Pengerusi), YA XXXX (Ahli Panel), YA XXXX (Ahli Panel)]

[27 Zulhijjah 1438H bersamaan 18 September 2017M]

[Rayuan Pengesahan Lafaz Cerai di bawah seksyen 57 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003]

## FAKTA KES

- [1] Responden telah menfailkan tuntutan pengesahan cerai luar mahkamah di Mahkamah Rendah Syariah Hulu Langat melalui kes no. XXXX. Tuntutan Responden adalah berkaitan 2 lafaz berikut:
  - i. Pada 27/2/2015, Responden melafazkan “*Kalau ko keluar dari rumah ini, aku ceraikan ko dengan talak 3*”. (**Lafaz Pertama**)
  - ii. Pada 28/2/2015, Responden melafazkan “*Fine, kita cerai talak 3*” (**Lafaz Kedua**)
- [2] Perayu di dalam hujahnya di Mahkamah Tinggi Syariah (Rayuan) menyatakan bahawa lafaz kedua pada 28 Februari 2015 merupakan respon Responden apabila mendengar jawapan Perayu bila ditanya sama ada Perayu keluar dari rumah pada 27 Februari 2015 ataupun tidak di mana Perayu menjawab ‘ya’. Sedangkan jawapan tersebut adalah bohong dan Perayu sama sekali tidak keluar daripada rumah pada 27 Februari 2015 kerana bimbang melanggar takliq Responden.
- [3] Perayu juga berhujah di Mahkamah Tinggi Syariah (Rayuan) bahawa lafaz pada 28 Februari 2015 bukanlah satu lafaz baru bahkan ianya berkaitan dengan lafaz pada 27 Februari 2015.
- [4] Hakim Mahkamah Rendah Syariah Hulu Langat di dalam keputusannya memutuskan bahawa lafaz pertama Responden pada 27 Februari 2015 adalah lafaz takliq yang **sah**, namun talaq tidak berlaku kerana tidak dilanggar oleh Perayu. Manakala lafaz kedua pada 28 Februari 2015 adalah satu lafaz yang sah dan tidak berkaitan dengan lafaz pertama, justeru sabitnya gugur talak 3 terhadap Perayu melalui lafaz tersebut.

- [5] Y.A Hakim Mahkamah Tinggi Syariah (Rayuan) pula di dalam penghakiman rayuannya memutuskan bahawa lafaz pertama Responden pada 27 Februari 2015 adalah lafaz takliq yang **tidak sah** dan tidak berlakunya talak melalui lafaz tersebut. Manakala Y.A Hakim Mahkamah Tinggi Syariah (Rayuan) sependapat dengan Hakim MRS Hulu Langat bahawa lafaz kedua adalah sah dan tidak berkaitan dengan lafaz pertama. Oleh itu keputusan sabitnya gugur talak 3 terhadap Perayu adalah dikekalkan.

## KITAB YANG DIRUJUK

1. Syeikh Muhammad bin Sholeh Al-Uthaimin, Kitab *al-Syarh al-Mumthi*; Juzuk 13.

## UNDANG - UNDANG YANG DIRUJUK

1. Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 - s. 61 (3) (b) (i).
2. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 - s. 2, s. 4, s. 57.
3. Arahan Amalan No.8 Tahun 2007 (Amalan Perceraian Takliq)

## KEPUTUSAN

Setelah kami meneliti Alasan Rayuan dan Hujahan Perayu, kami sebulat suara memutuskan:

1. Rayuan Perayu diterima.
2. Perintah Mahkamah Tinggi Syariah (Rayuan) di dalam kes no. 10500-054-0019-2015 pada 3 Mei 2016 dan Perintah Mahkamah Rendah Syariah Hulu Langat di dalam kes no. 10005054-0327-2015 pada 29 Jun 2015 adalah diketepikan.
3. Mahkamah ini mengesahkan bahawa tidak berlaku perceraian di antara Perayu dan Responden melalui lafaz yang diadukan.

## ULASAN KES SS LWN MFA (PERMOHONAN PENGESAHAN LAFAZ CERAI)

Permohonan pengesahan lafaz cerai ke Mahkamah Syariah boleh dipohon kerana termaktub di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah melalui peruntukan seksyen 61 (3) (b) (i) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003. Suami atau isteri atau kedua-duanya boleh memfailkan permohonan ini. Sekiranya pihak ketiga yang mengetahui berkenaan lafaz tersebut, bolehlah pihak ketiga tersebut mengadu kepada Mahkamah atau memujuk sama ada suami atau isteri yang terlibat untuk datang ke Mahkamah Syariah dan membuat permohonan pengesahan lafaz cerai.

Menurut seksyen 57 (1) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003, seseorang yang telah menceraikan isterinya dengan lafaz talaq (cerai) di luar mahkamah dan tanpa kebenaran Mahkamah Syariah, hendaklah dalam masa tujuh hari dari pelafazan talaq tersebut, melaporkan ke Mahkamah Syariah. **Edisi**

# Peranan Dan Tanggungjawab Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan di Bawah Majlis Agama Islam Selangor (PIBK-MAIS)

Susunan Oleh: Bahagian Komunikasi Korporat, MAIS

PIBK hendaklah menjalankan peranan yang berikut:-

- (1) Membantu MAIS dan agensi-agensi yang melaksanakan dasar-dasar MAIS dalam menjalankan kewajibannya di bawah subseksyen 7(1) Enakmen;
- (2) Menjaga, mempertahankan dan memartabatkan kesucian agama Islam;
- (3) Mengutamakan kepentingan Islam berdasarkan Maqasid Syariah;
- (4) Membangunkan masyarakat Islam yang sejahtera berpandukan pegangan Ahli Sunnah Wal Jama'ah;
- (5) Menangani isu-isu semasa yang melibatkan isu ancaman akidah dan isu ancaman sosial umat Islam secara lebih proaktif dan bersepadu;
- (6) Membina jaringan kerjasama yang baik, saling hormat menghormati dan bantu membantu di antara satu sama lain;
- (7) Mengusahakan, memperbaiki, mengukuhkan silaturahim dan ukhuwah Islamiah dengan mengelakkan perpecahan dan perbalahan. **Edisi**



Sebarang pertanyaan atau pandangan, sila hubungi Cik Amirah Addilah Binti Mohd Johari, Unit Pembangunan NGO-i, Bahagian Pendaftaran Muallaf dan PIBK, MAIS di talian **03-33614000** atau emelkan kepada [jngoimais@gmail.com](mailto:jngoimais@gmail.com).

Sumber : **Majlis Agama Islam Selangor**



## Majlis Perutusan Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Pelancaran Portal E-Faraid Dan Video Korporat MAIS

**FEBRUARI 2021** – Telah berlangsung Majlis Perutusan Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), YAD Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Bin Mohd Yusof, Pelancaran portal E-Faraid dan Video Korporat Mais terkini yang berlangsung secara atas talian di platform Webinar Zoom pagi tadi, 15 Feb.

Alhamdulillah, penyertaan mencapai 769 orang terdiri daripada warga kerja MAIS, Jabatan-jabatan Hal Ehwal Islam Selangor, Agensi dan anak syarikat MAIS serta Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan. **Edisi**



## RM545,500 Wang Fidyah MAIS Bantu 5,455 Keluarga Yang Terkesan Covid-19

**- MAIS agih wang fidyah bagi tempoh tiga bulan pertama**

**MAC 2021** - Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) mengagihkan wang fidyah sebanyak RM545,500 kepada 5,455 keluarga terkesan dengan pandemik COVID-19 melalui pelbagai program turun padang bagi tiga bulan pertama tahun ini.

Sumbangan diagihkan kepada keluarga yang terkesan dengan pandemik COVID-19 sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) terutama individu atau keluarga khususnya golongan B40, peniaga, penaja yang terjejas punca pendapatan dan golongan yang hilang pekerjaan. **Edisi**

## Pengerusi MAIS Bertemu Pemimpin Jabatan Hal Ehwal Islam Selangor, Agensi Dan Anak Syarikat MAIS

**JANUARI 2021** – Pengerusi Baharu Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), YAD Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof, bersama anggota MAIS yang baharu hari ini bertemu Ketua Jabatan Hal Ehwal Islam Negeri Selangor (JHEI), Ketua Pegawai Eksekutif Agensi dan Pengurus Besar Anak-anak Syarikat MAIS.

Program yang dikenali sebagai Induksi Pengerusi Dan Anggota MAIS Baharu Sesi 2021-2023 Bersama JHEI, Agensi Dan Anak Syarikat ini bertujuan berkongsi maklumat dan perkembangan organisasi masing-masing. Pengerusi MAIS turut menyampaikan amanat kepada barisan pimpinan JHEI, agensi dan anak syarikat MAIS dan pebincangan dua hala turut diadakan. JHEI terdiri daripada Jabatan Agama Islam Selangor, Jabatan Mufti Negeri Selangor dan Jabatan Kehakiman Syariah Selangor.

Manakala Agensi dan Anak Syarikat MAIS terdiri daripada Lembaga Zakat Selangor dan Perbadanan Wakaf Selangor, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Bakti Suci Holdings Sdn. Bhd., Yayasan Islam Darul Ehsan dan Teraju Ekonomi Asnaf Sdn Bhd. **Edisi**



## MAIS Tangani Islamophobia Melalui Pusat Informasi Islam MAIS (PIIM)

**MAC 2021** – Pusat Informasi Islam MAIS (PIIM) atau dikenali juga sebagai MAIS Islamic Information Centre (MIIC) yang bertemakan 'Islam For All' merupakan sebuah pusat rujukan yang menyediakan informasi dan ilmu pengetahuan berkaitan keindahan ajaran Islam kepada pengunjung luar dan dalam negara. Lokasi PIIM terletak di kawasan Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Seksyen 5 Shah Alam.

Pusat rujukan ini diwujudkan sebagai satu inisiatif Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) bagi menangani Islamophobia dan mengurangkan salah tanggapan terhadap agama Islam. Antara aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh PIIM ialah lawatan galeri, soal jawab Islamophobia, Inter-Faith Talk, Iftar Ramadan bersama pelancong, Program Sambutan Maulidur Rasul, Majlis syahadah, Kelas Al-Quran dan Bahasa Arab, Kelas Iqra Muallaf, Diskusi Ilmiah, dan lain-lain lagi. **Edisi**



Sumber : **Jabatan Agama Islam Selangor**



## JAIS Santuni Mangsa Banjir Negeri Pahang

**JANUARI 2021** - Berat mata memandang, berat lagi bahu memikul. Menginsafi musibah banjir luar biasa yang menimpa bumi Pahang di awal Tahun Baru 2021, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) terpenggil untuk menyelami kepayahan mangsa-mangsa banjir. Di atas perinsip ukhuwah dan persaudaraan yang mendalam, JAIS melalui Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI), Masjid Pengurusan, Masjid Kariah dan Surau Negeri Selangor terpenggil untuk mengerakkan kutipan Bantuan Pasca Banjir ke Daerah Temerloh antara yang terjejas teruk dengan kesan banjir. Usaha mengerakkan kutipan dana telah digerakkan bermula dari hari Jumaat sehingga Ahad (8-11 Januari 2021) lalu.

Misi kali ini, lebih menumpukan kepada keperluan kelengkapan untuk pembersihan masjid dan surau dari kesan banjir, kelengkapan beribadah, keperluan pakaian dalaman dewasa dan kanak-kanak, peralatan elektrik, kelengkapan keperluan dapur, susu bayi, lampin pakai buang, pakaian, beg sekolah dan lain-lain lagi.

Untuk itu, sumbangan bantuan khas berkenaan telah disempurnakan oleh Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Pengurusan Masjid JAIS, Ustaz Hashim Muhamad kepada Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Masjid Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP) Ustaz Ahmad Nizam Abdul Manan di Masjid Sultan Haji Ahmad Shah, Temerloh. **Edisi**



## Program Sentuhan Kasih Belaian Hati (Sebati) Emas

**FEBRUARI 2021** - Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) melalui Bahagian Dakwah telah menganjurkan Program Sebati Emas ke rumah jagaan dan rawatan orang tua Al Ikhlas, Pulau Meranti.

Program ini bertujuan untuk menziarahi dan menyantuni penghuni warga emas yang tinggal disini. Seramai 47 Orang penghuni yang tinggal disini yang terdiri dari pada 20 penghuni lelaki dan 27 penghuni perempuan.

Dalam sesi ziarah tersebut JAIS telah menyumbangkan barangan keperluan perubatan dan wang tunai untuk keperluan penghuni disini.

Terima kasih diucapkan kepada Puan Hajah Muji bt Sulaiman dan seluruh warga pentadbiran rumah jagaan dan rawatan orang tua Al-Ikhlas atas kerjasama yang diberikan. **Edisi**

## Program Interpersonal Dakwah Prihatin Siri 1/2021

**MAC 2021** - Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) melalui Unit Dakwah, PAID Sabak Bernam & MAIS Daerah, dengan kerjasama Sahabat HTAJ telah mengadakan program berbentuk ziarah, pemberian sumbangan makanan bermasak, barang keperluan harian, keperluan kesihatan, disertai dakwah santai melalui nasihat, perkongsian pengalaman dan pemberian bahan dakwah bercetak.



Program ini menyasarkan 7 buah keluarga di kalangan Asnaf Muallaf, Fakir Miskin, OKU, Warga Emas, Ibu Tunggal yang berempat di Daerah Sabak Bernam (Mukim Panchang Bedena, Sabak, Sungai Air Tawar, Sungai Panjang). **Edisi**

Sumber : **Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor**



Sumber : **Lembaga Zakat Selangor**



## KUIS & Beana HomeQuran Sdn Bhd Tandatangani Persefahaman

**MAC 2021** - Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman MoU antara KUIS dengan Beana HomeQuran Sdn Bhd telah berlangsung pada 24 Mac 2021 pada pukul 10 pagi.

KUIS dan BEANA berhasrat mewujudkan kerjasama di dalam bidang akademik, penyelidikan dan latihan industri seperti dalam bidang Al-Quran, fardu ain, hafazan dan bahasa Arab; Menyumbangkan kepakaran, pengalaman dan khidmat nasihat berkaitan akademik dan latihan industri; Program penyelidikan, penerbitan modul, bengkel-bengkel, kursus-kursus jangka pendek; dan Dalam apa-apa bidang lain yang akan dipersetujui kelak oleh kedua-dua pihak.

Tahniah kepada Fakulti Pengajian dan Peradaban Islam di atas usaha bagi menjayakan kerjasama ini. **Edisi**



## Majlis Menandatangani Perjanjian Antara KUIS Dan INSTAQLIM

**MAC 2021** - Majlis Menandatangani Perjanjian antara KUIS dan Institut Tahfiz Al-Quran Lil Muttaqin (INSTAQLIM) secara dalam talian telah berlangsung pada 9 Mac 2021 bersamaan 25 Rejab 1442H pada pukul 2.30 petang melalui Platform Zoom.

KUIS dan INSTAQLIM berhasrat mewujudkan kerjasama dan meneroka peluang membangun, menyokong dan memperkaya pembangunan penyelidikan dan pendidikan tinggi dalam bidang-bidang yang akan memberi manfaat kepada kedua-dua pihak. **Edisi**

## LZS Bantu Lima Sekeluarga Terputus Bekalan Makanan

**FEBRUARI 2021** - Lima sekeluarga yang terputus bekalan makanan kerana dikuarantin di rumah akibat positif COVID-19 mendapat perhatian Lembaga Zakat Selangor (LZS).

Hasil daripada maklumat yang disalurkan, Operasi Agihan Asnaf daerah Kuala Langat segera menyantuni keluarga ini dengan menyalurkan bantuan makanan harian bagi menampung keperluan sepanjang tempoh kuarantin tersebut.

Sehingga kini, seramai 11 keluarga terjejas akibat pandemik COVID-19 di daerah Kuala Langat telah disantuni. LZS akan sentiasa memantau keperluan mereka yang terjejas ini terutamanya keluarga yang dikenakan kurantin di rumah agar mereka dapat menjalani kehidupan seperti biasa.

**Edisi**



## LZS Cawangan Kajang Berpindah Ke Lokasi Baru

**MAC 2021** - Lembaga Zakat Selangor (LZS) cawangan Kajang berpindah ke lokasi baharu bertempat di G-08 & 1-08 Jalan Reko Saville Kajang bermula 12 Mac hari ini. **Edisi**

Para pelanggan Lembaga Zakat Selangor (LZS) yang dihormati,

**BERMULA 12HB MAC 2021**

**LZS CAWANGAN KAJANG akan BERPINDAH KE LOKASI BAHARU**

**G-08 & 1-08 JALAN REKO SAVILLE KAJANG, 43000 KAJANG.**

**LOKASI BAHARU CAWANGAN KAJANG**

Untuk keterangan lanjut, sila layari [www.zakat.selangor.com.my](http://www.zakat.selangor.com.my) atau hubungi  
**TALIAN ZAKAT SELANGOR 1300 88 4343**

Sumber : Yayasan Islam Darul Ehsan



## Rumah Anak Yatim Di Negeri Selangor Selain YIDE Terima Manfaat Kelengkapan Persekolahan Bagi Sesi 2021

**JANUARI 2021** - Central Sugars Refinery (CSR) Sdn Bhd dengan kerjasama Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) mengagihkan kelengkapan persekolahan bagi sesi 2021 buat 17 buah Rumah Anak Yatim seliaan YIDE di Negeri Selangor. Alat kelengkapan persekolahan iaitu berupa set kelengkapan pakaian dan seluar, kasut, stokin, tudung, beg galas, dan alat tulis turut diedarkan bersama.

Majlis rasmi agihan sumbangan diadakan secara ringkas pada Selasa, 12 Januari 2021 di Rumah Pertubuhan Kebajikan Ehsan As Shakur (PEKEAS) serta Rumah Kebajikan Anak Yatim Damai Kuang. YIDE diwakili oleh Y.Bhg. Tuan Haji Mohd Salim Bin Sain, Ahli Pemegang Amanah YIDE serta Y.Brs. Encik Nur Mohd Razali Bin Abdullah, Pengurus Besar YIDE. **Edisi**



## MAIS Peruntuk RM38,000 Sumbang Komputer Riba Kepada Anak Yatim Yang Cemerlang

**FEBRUARI 2021** - Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) menyalurkan sumbangan berjumlah RM38,000 bagi pembelian komputer riba kepada 19 orang anak yatim yang cemerlang dalam pelajaran.

Majlis penyampaian replika cek dan komputer riba disempurnakan oleh Dr. Haji Ahmad Shahir Makhtar, Setiausaha MAIS kepada Encik Md Ariffin Jaafar, Pengurus Operasi YIDE di sini hari ini.

"Sumbangan ini adalah menggunakan peruntukan Baitulmal MAIS yang diserahkan melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE), anak syarikat MAIS selaku agensi yang mengawalselia rumah anak yatim di Negeri Selangor. Ia bertujuan membantu pelajar atau anak yatim mengadaptasi norma baharu sesi pengajian di dalam talian dan pengajaran di luar kampus," ujar Dr. Haji Ahmad Shahir Makhtar. **Edisi**

Sumber : Jabatan Kehakiman Syariah  
Negeri Selangor

## Perbicaraan Kes Secara Atas Talian

**FEBRUARI 2021** - Ekoran pandemik Covid-19 yang masih melanda negara dan menyebabkan operasi di Mahkamah Syariah terpaksa menghadkan bilangan pelanggan bagi mengekang penularan kes ini menjadi lebih tinggi. Namun, pihak Mahkamah Syariah telah mengambil satu langkah baru iaitu dengan menjalankan perbicaraan secara online atau atas talian dan sekaligus ini dapat membantu orang awam agar kes yang telah difailkan dapat diselesaikan dengan segera. Sebagai menyambut baik saranan pihak Jabatan, Mahkamah Rendah Syariah Gombak Timur telah menjalankan sesi perbicaraan kes secara atas talian di hadapan Hakim Syarie Tuan Hisyam Bin Zakaria pada 18 Februari 2021 jam 3.00 petang bagi kes tuntutan mut'ah. **Edisi**

## Kunjungan Hormat Daripada Jabatan Bantuan Guaman Selangor


**MAC 2021** - Jabatan Kehakiman Syariah Selangor telah menerima kunjungan hormat daripada Jabatan Bantuan Guaman Selangor bagi membincangkan isu-isu berkaitan perundangan dan kerjasama antara kedua-dua pihak. Ketua Hakim Syarie, YAA Dato' Mohammad Adib bin Husain merakamkan ucapan penghargaan dan ribuan terima kasih atas kunjungan hormat tersebut. Semoga jalinan kerjasama antara kedua agensi ini akan memberi kebaikan kepada semua pihak. **Edisi**



Oleh: Ustaz Hamizul bin Abdul Hamid (hamizul@zakat.selangor.com.my)  
Ketua Jabatan Sekretariat Dakwah, Lembaga Zakat Selangor (MAIS)

## TEKA SILANGKATA JAWI EDISI MAIS

Siri 1/2021



### Arahan:

- Sila isikan huruf jawi yang sesuai di dalam petak berwarna putih sahaja. Abaikan semua petak yang berwarna.
- Nombor 1 hingga 5 adalah untuk teka silangkata melintang (dari kiri ke kanan).
- Huruf A hingga E adalah untuk teka silangkata menegak (dari atas ke bawah).
- Huruf (ل) hendaklah dieja berasingan antara (ل) dan (ل).

### Melintang Dari Kanan ke Kiri (1-5):

- Dalam surah al-Baqarah, ia dimulai oleh huruf-huruf muqata'ah (huruf-huruf putus). Huruf-huruf itu ada tiga, iaitu \_\_\_\_\_.
- Orang yang menemui emas perhiasan atau perak yang terbenam di dalam bumi, maka ia wajib dizakatkan sebagai zakat \_\_\_\_\_.
- Di akhirat, seluruh manusia akan ditimbang dengan neraca bernama \_\_\_\_\_ sebelum mereka dimasukkan ke syurga ataupun neraka.
- Sesuai fatwa yang digubal perlu dimasukkan ke dalam Dewan Undangan Negeri dan diluluskan kemudiannya di \_\_\_\_\_ agar menjadi enakmen dalam perundangan.
- DYMM Sultan Selangor akan mengurniakan \_\_\_\_\_ perlantikan kepada para imam masjid di seluruh Selangor sebagai tanda mereka adalah imam yang bertauliah.

### Menegak Dari Atas ke Bawah (A-E):

- Mereka yang sedang belajar di universiti disebut sebagai \_\_\_\_\_.
- Zaman dahulu, selain keris dan pedang menjadi senjata dalam peperangan, orang Melayu juga menggunakan sebatang kayu yang keras disebut sebagai \_\_\_\_\_ sebagai senjata.
- Mangsa bencana alam seperti banjir, tsunami, gempa bumi dan \_\_\_\_\_ layak mendapat zakat.
- Di dalam al-Quran, Allah SWT memerintahkan anak-anak berbahasa dengan lembut kepada ibu bapa dan melarang mereka menggunakan perkataan yang kasar sekalipun dua patah perkataan, misalnya eh, ih dan \_\_\_\_\_.
- Antara Sunnah Rasulullah SAW ialah, kita mengerjakan solat fardu lima \_\_\_\_\_ pada awalnya dan bukannya di akhirnya.

Edisi

## SIRI BELAJAR JAWI

(SIRI KEDUA PULUH EMPAT)

اوليه : نورانيتا بنت عبد الرحمن  
منشي ديوان (جاوي)

### KAEDAH PENULISAN JAWI PADA KATA PINJAMAN BAHASA INGGERIS.

### PADANAN HURUF “K” AKHIR SUKU KATA TERTUTUP.

Dalam siri yang lepas, kita telah membicarakan padanan huruf “k” – “ق” pada akhir suku kata tertutup kata Melayu jati. Siri kali ini kita berbicara tentang padanan jawi huruf “k” pada akhir suku kata tertutup Bahasa Inggeris pula. Kaedah penulisannya ialah **huruf “k” pada akhir suku kata tertutup** Bahasa Inggeris dipadankan dengan **huruf “ك”**.

Contoh huruf “k” padanan huruf “ك” ditulis pada akhir suku kata tertutup Bahasa Inggeris sama ada di awal suku kata atau terletak pada suku kata kedua/akhir:

| Suku kata tertutup di awal suku kata  | tek/si  | dok/tor | kak/tus | rek/rut | sek/syen   | ak/tif |
|---------------------------------------|---------|---------|---------|---------|------------|--------|
|                                       | تيكسي   | دوكتور  | ككوس    | ريكروت  | سيكشن      | اكتيف  |
| suku kata tertutup di akhir suku kata | kli/nik | tak/tik | si/vik  | u/nik   | sim/bo/lik | strok  |
|                                       | كلينيك  | تكتيك   | سيزيك   | اونيك   | سيمبوليك   | ستروك  |

Untuk menentukan sama ada huruf “k” pada akhir suku kata tertutup itu dipadankan dengan huruf “ق” atau “ك”, kita hendaklah mengenal pasti terlebih dahulu asal usul perkataan tersebut, adakah perkataan itu kata Melayu jati atau Bahasa Inggeris. Jika kata Melayu jati, huruf “k” itu dipadankan dengan huruf “ق”, dan jika pinjaman Bahasa Inggeris hendaklah dipadankan dengan huruf “ك”. Penentuan itu akan membantu kita mengeja jawi dengan betul. **Edisi**



# “Terima Kasih Dermasiswa Zakat,” Hendra Tekad Jadi Usahawan Yang Berjaya

Oleh: **Shahrul Effendy bin Md Saat** (fendy@mais.gov.my)  
Eksekutif Perhubungan Awam MAIS

**Institusi Zakat sering menjadi menjadi ‘mangsa’ tohmahan sesetengah pihak apabila tular isu-isu seperti asnaf tidak mendapat bantuan seperti bantuan dermasiswa, bantuan perubatan, gelandangan, peminta sedekah dan sebagainya.**

Tanpa disedari, tohmahan tersebut telah mengundang persepsi tidak baik terhadap institusi zakat atau agensi yang berkaitan, seolah-olah tiada sebarang bantuan diberikan oleh agensi terbabit.

Walaubagaimanapun, persepsi itu hanyalah sangkaan negatif yang perlu dijernihkan semula, sedangkan pihak berwajib seperti Lembaga Zakat Selangor (LZS) sudah pun menjalankan tugas mereka dengan sebaiknya.

Lantaran itu, penulis berkesempatan untuk menemu bual salah seorang bekas pelajar Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Hendra Nordin, 39, yang sebelum ini merupakan salah seorang penerima bantuan dermasiswa LZS dan kini menjadi usahawan yang berjaya.

“Alhamdulillah, berkat bantuan dermasiswa yang diberikan daripada LZS, saya telah pun menamatkan pengajian di KUIS pada tahun 2007. Saya nak ucap terima kasih kepada LZS kerana banyak membantu saya ketika saya belajar dahulu terutama dalam urusan pembayaran yuran pengajian.



Gambar kenangan Hendra (barisan bawah dua dari kanan) bersama rakan-rakan ketika mengikuti pengajian di KUIS

“Saya mengambil jurusan Diploma Komunikasi bagi sesi 2003 sehingga 2007. Banyak ilmu saya pelajari di KUIS dan terlalu banyak kenangan bersama kawan-kawan sewaktu belajar dahulu. Hidup susah senang, saya harungi semuanya,”katanya.

“Masih saya ingat lagi ketika di KUIS, masa tu saya semester tiga dalam pengajian. Ayah saya tidak mampu untuk membayar yuran, sedangkan yuran perlu dibayar. Keluarga saya bukan orang yang senang. Jika tidak dapat membayar yuran, saya tidak dapat mengambil peperiksaan dan meneruskan pengajian.

“Alhamdulillah, dermasiswa LZS telah membantu saya dengan izin Allah SWT. Duit bantuan yang saya terima, saya gunakan untuk membayar yuran pengajian dan beberapa keperluan lain.

Terlalu besar manfaatnya. Saya bersyukur sangat apabila setiap tahun, saya menerima bantuan dari zakat sepanjang pengajian di KUIS,”katanya.



Hendra (kanan) bergambar bersama agen dan stokis Bliese

## USAHAWAN ‘BLIESE’

Mengulas lanjut tentang perkembangan terkini Hendra, anak jati Hulu Langat ini juga merupakan salah seorang ahli Persatuan Alumni KUIS. Beliau kini menjalankan perniagaan berasaskan produk wangian iaitu ‘Bliese’. Hendra juga memberitahu, beliau mempunyai 50 orang agen jualan dan 11 orang stokis di setiap negeri.

“Perniagaan yang saya jalankan ini termasuk mencari agen, stokis atau individu yang berminat untuk menjadi usahawan yang berjaya. Produk ‘Bliese’ adalah produk rangkaian pewangi pelbagai guna dan dikeluarkan oleh anak tempatan.

“Baru-baru ini ‘Bliese’ telah mengorak langkah dengan lebih jauh dengan memperkenalkan produk haruman badan berinspirasi wangian antarabangsa.

Katanya, sebelum ini ‘Bliese’ dikenali sebagai produk pewangi kenderaan atau rumah yang kini mendapat sambutan yang menggalakkan.

“Saya juga turut melatih usahawan dan membantu individu yang ingin berkecimpung dalam bidang perniagaan. Individu yang berminat untuk menjadi usahawan ‘Bliese’ bolehlah mengikuti perkembangan di media sosial Facebook miliknya iaitu di <https://www.facebook.com/hendrabinnordin> atau boleh menghubungi talian di 013-466 5497,”katanya yang kini mempunyai syarikat sendiri yang diberi nama Hmblis Valley Interprise.

“Saya berharap penubuhan Hmblis Valley Interprise ini dapat berkongsi ilmu perniagaan dan memberi peluang kepada individu yang benar-benar mahu menjalankan perniagaan sepenuh masa atau pun secara sampingan,”katanya mengakhiri perbualan. **Edisi**



## BIODATA:

|                     |                                                                                                    |
|---------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Nama:               | Hendra Mohd Nordin                                                                                 |
| Umur:               | 39 Tahun                                                                                           |
| Asal:               | Hulu Langat, Selangor                                                                              |
| Status Perkahwinan: | Berkahwin                                                                                          |
| Bilangan Anak:      | 5 orang                                                                                            |
| Pendidikan:         | Diploma Komunikasi, Kolej Universiti Antarabangsa Selangor (2003-2007)                             |
| Kerjaya Terdahulu:  | Eksekutif Persatuan Francais Malaysia- 2 Tahun<br>Eksekutif Pemasaran Utusan Media Sales – 8 Tahun |
| Kerjaya Sekarang:   | Usahawan                                                                                           |

# Fidyah Atau Qada' Puasa

Oleh: Noormala binti Mohd Saad (noormala@mais.gov.my)  
Pengurus Komunikasi Korporat, MAIS

**R**amai yang bertanya tentang bayaran fidyah terutama dari kalangan ibu mengandung, ibu yang menyusukan anak dan orang tua yang uzur yang belum sempat menggantikan puasa ataupun tidak berkemampuan melaksanakan ibadah puasa. Jom sama-sama kita fahami beberapa perkara berkaitan fidyah dan panduan pembayarannya.

## a) APA MAKSUD QADA' PUASA?

Qada' puasa ialah menggantikan puasa Ramadan yang tertinggal atas sebab-sebab tertentu.

## b) APA MAKSUD FIDYAH?

Fidyah merupakan bayaran denda yang dikenakan kepada seseorang yang tidak dapat mengganti puasanya di bulan Ramadan pada sesuatu tahun sehinggalah tibanya bulan Ramadan tahun berikutnya.

## c) APAKAH HUKUM MEMBAYAR FIDYAH?

Hukum membayar fidyah adalah WAJIB. Ia wajib disempurnakan mengikut bilangan hari yang ditinggalkan. Dengan membayar fidyah tidak bermaksud mereka tidak perlu lagi menggantikan puasanya kerana puasa tersebut tetap wajib digantikan mengikut bilangan hari yang telah ditinggalkannya. Ia juga menjadi satu tanggungan (hutang) kepada Allah SWT sekiranya tidak dilaksanakan.

## APAKAH SEBAB-SEBAB DIKENAKAN FIDYAH?

### MENINGGALKAN PUASA KERANA SAKIT KRONIK

Orang yang sakit berpanjangan dan tidak diharapkan boleh sembuh berdasarkan pengesahan doktor perubatan.

### MENINGGALKAN PUASA KERANA MENYUSUKAN ANAK

Ibu yang merasa bimbang akan memudaratkan bayi yang disusunya seperti kurang air susu atau menjejaskan kesihatan bayinya itu. Mereka hendaklah membayar fidyah dan juga menggantikan (qada') puasa yang ditinggalkan.

### MELAMBATKAN GANTI PUASA (QADA')

Mereka yang melambat-lambatkan ganti (qada') puasanya hingga telah melangkah tahun yang berikutnya (bulan Ramadan) dikenakan denda membayar fidyah dan juga wajib menggantikan (qada') puasa yang ditinggalkan.

1

2

3

4

5

6

7

### MENINGGALKAN PUASA KERANA TUA

Orang tua yang tidak mampu berpuasa dan jika mereka berpuasa akan memudaratkan dirinya sendiri dan kesihatan tubuh badannya.

### MENINGGALKAN PUASA KERANA HAMIL

Wanita yang bimbang akan keselamatan ke atas bayi yang dikandungnya seperti dikhuatiri berlaku keguguran. Mereka hendaklah membayar fidyah dan juga menggantikan (qada') puasa yang ditinggalkan.

### MENINGGALKAN PUASA KERANA MUSAFIR ATAU SAKIT DAN TIDAK QADA' PUASA PADA TAHUN IA DITINGGALKAN

Musafir dan Pesakit yang tidak menggantikan (qada') puasa pada tahun ia ditinggalkan wajib menggantikan (qada') puasanya dan membayar fidyah mengikut bilangan hari yang ditinggalkan.

### ORANG YANG TELAH MENINGGAL DUNIA

Hutang puasa bagi mereka yang telah meninggal dunia hendaklah disempurnakan bayaran fidyahnya oleh waris-warisnya mengikut bilangan hari yang ditinggalkan sebelum pembahagian pusaka dibuat.

## CONTOH PENGIRAAN FIDYAH SELAMA 3 HARI

Kadar:

RM2.00

RM4.00

RM6.00

X

3 Hari

(Bilangan puasa ditinggalkan)

=

JUMLAH FIDYAH

RM2.00 sehari bagi individu yang memakan beras Beras Super Special Tempatan 5%

RM4.00 sehari bagi individu yang memakan beras putih import/ beras perang/ beras pulut/ herba ponni/ beras wangi

RM6.00 sehari bagi individu yang memakan beras basmathi/ beras jepun/ beras merah

Info lanjut

[www.mais.gov.my](http://www.mais.gov.my)

Di Selangor pembayaran fidyah boleh dilakukan di Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) atau Lembaga Zakat Selangor (MAIS):

1 Majlis Agama Islam Selangor:  
Klik: <http://fpx.mais.gov.my/epay/fidyah.php>

2 Lembaga Zakat Selangor  
Klik: <https://fpx.zakatlangor.com.my/v2/>

Kedua-dua bayaran ini sama ada melalui MAIS atau LZS akan dimasukkan ke dalam Akaun Amanah Harta Baitulmal sebelum diagihkan kepada fakir miskin.

Semoga dengan sedikit perkongsian ini dapat membantu kita melunaskan hutang kita dengan Allah Ta'ala. **Edisi**

# IBNU AL-KASYSYAB: Ilmuan Yang Dahagakan Ilmu

Oleh: Mohd Hafiz bin Abdul Salam (hafizsalam@mais.gov.my)  
Pengurus Penyelidikan, MAIS

**N**ama lengkapnya adalah Abu Muhammad Abdullah bin Ahmad bin Ahmad bin Ahmad al-Kasyasyab an-Nahwi. Nama Ibnu al-Kasyab merupakan nama panggilan yang diberikan oleh seorang sahabatnya Ibnu al-Jawsi. Tempat kelahirannya kurang dikenali, namun yang jelas ia lahir pada sekitar tahun 492H/1099M. Ibnu al-Kasyasyab dikenali sebagai seorang yang serba boleh kerana keperibadiannya terhadap ilmu yang tidak pernah puas.

Di antara guru yang pernah mendidiknya adalah al-Jawakili dan Abu Sa'ada ibnu asy-Syajari. Namun kerana masih merasai tidak cukupnya ilmu Bersama mereka, beliau memutuskan untuk mengikuti kelas dari hamper kesemua tokoh ilmuan pada zamannya dengan tekun dan tanpa rasa bosan. Beliau banyak belajar ilmu-ilmu Islam seperti al-faraid, nasab, tatabasa Bahasa Arab, hadith dan sebagainya. Dalam masa yang sama juga Ibnu al-Kasyasyab memiliki pengetahuan yang luas dalam aritmetik, geometri, logik dan falsafah.

Walaupun terkenal sebagai seorang yang tidak pernah puas terhadap ilmu, beliau juga seorang guru yang

mampu mengajar murid dengan baik. Penggunaan Bahasa yang mudah dan bersahaja dan tidak menjemukan serta memiliki tulisan tangan yang cantik. Diantara anak muridnya yang terkenal adalah Imaduddin al-Isbahani dan Abu Sa'ad as-Sam'ani.

Walaupun jadual belajar dan mengajarnya padat, beliau juga masih mampu menulis beberapa buah buku seperti :

- 4 buah *Radd* (Sanggahan kepada buku). Hasil refleksi kesalahan fakta sebuah buku yang pernah dipelajari dan dibacanya.
  - Radd* Ibnu Babasyadz dalam syarahnya terhadap kitab "*al-Jumal al-Kabir*" dari al-Zajjaji
  - Radd* Abu Zakariyya at-Tibrizi dalam "*Tahdzib*" terhadap kitab "*Islah al-Mantik*" dari Ibnu as-Sakit
  - Radd* Abu Sa'ada Ibnu asy-Syajari tentang karya-karya al-Mutanabbi
  - Radd* terhadap "*Manakat*" al-Hariri yang berbentuk manuskrip dengan pelbagai topik yang diterbitkan dengan judul "*Al-Istidrakat ala Makamat al-Hariri wa Intisar Ibnu Barri*" (Istanbul, 1328M)
- Syarah terhadap 3 buah kitab.
  - Kitab *al-Luma'fi an-Nahw* dari Ibnu al-Jinni
  - Kitab *Muqaddimah fi an-Nahw* dari Ibnu Hubayra
  - Kitab *al-Jumal fi an-Nahw* dari Abdul Kahir al-Jurjani

Dan beberapa karya lainnya yang juga masih tersimpan adalah hasil penulisannya tentang 'Amin', iaitu "*al-Luma'fi al-Kalam 'ala lafza Amin al-Musta'mala fii ad-Du'a wa Hukmiha*". Dan satu lagi adalah "*al-Qassida al-Badi'a al-Arabiyyah al-Jami'ah li Syatat al-Fudhail wa ar-Rumuz al-Ilmiyyah*" yang dipersembahkan kepada kerabat seperguruannya iaitu Abu al-Barakat Ibnu al-Anbari yang merupakan karya gubahan mengenai 10 subjek yang berkaitan dengan sains Islam secara umum. **Edisi**

**JOM BAYAR**  
**ZAKAT FITRAH**  
**IKUT HARGA BERAS**  
**YANG DIMAKAN**

**RM7.00**

▶ BERAS SUPER SPESIAL TEMPATAN 5%

**RM14.00**

▶ BERAS PUTIH IMPORT  
▶ BERAS PERANG  
▶ BERAS PULUT  
▶ HERBA PONNI  
▶ BERAS WANGI

**RM21.00**

▶ BERAS MERAH  
▶ BERAS JEPUN  
▶ BERAS BASMATHI



# فرائض eFARAID

Mudah - Tepat - Dipercayai



## Solusi Pintar Urus Pusaka Anda

Subseksyen 5(4), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003  
"Majlis hendaklah mempunyai kuasa untuk bertindak sebagai wasi sesuatu wasiat atau sebagai pentadbir harta pusaka seseorang si mati atau sebagai pemegang amanah mana-mana amanah."



### Apakah e-Faraid

e-Faraid MAIS adalah satu sistem atas talian bagi memudahkan permohonan harta pusaka yang ditawarkan kepada umat Islam bagi melaksanakan pembahagian dan penebusan harta pusaka dengan Baitulmal, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS).



### Kemudahan e-Faraid

-  Kalkulator Pengiraan atau K-Faraid
-  Permohonan Penebusan
-  Permohonan Pusaka Tiada Waris
-  Permohonan Urus Pusaka
-  Permohonan Pembelian



### Kalkulator Pengiraan atau K-Faraid

-  e-Faraid MAIS juga dibekalkan dengan K-Faraid MAIS iaitu Kalkulator Pengiraan Faraid yang bertujuan mendidik masyarakat untuk memahami kaedah pengiraan dan pembahagian harta pusaka secara faraid.

## Langkah Menggunakan K-Faraid

### LANGKAH 1

**SENARAI WARIS**  
Masukkan senarai waris sama ada secara senarai atau carta waris



### LANGKAH 2

**NILAIAN HARTA PUSAKA**  
Masukkan nilai harta pusaka si mati



### LANGKAH 3

**PENGIRAAN**  
Hasil pecahan pembahagian beserta nilai setiap bahagian akan dipaparkan



### LANGKAH 4

**POKOK WARIS**  
Carta atau rajah waris yang layak akan dipaparkan



<http://efaraid.mais.gov.my>



Majlis Agama Islam Selangor



mais\_officialhq



maisgov.my

[www.mais.gov.my](http://www.mais.gov.my)

# نكندع

## MAIS

IBNU  
AL-KASYSYAB:  
Ilmuan Yang  
Dahagakan Ilmu  
Ms 18

www.mais.gov.my / No.ISSN: 289-635X



YAYASAN ISLAM  
DARUL EHSAN

## Kupon Infaq

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا خُذُوا مَا آتَيْنَاكُم مِّنَ الرِّزْقِ قَبْلَ أَن يَخْسِفَ بِكُمُ الْأَرْضُ لِمَا كُنتُم تَكْفُرُونَ

Rasulullah S.A.W bersabda:

"Sedekah itu dapat menghapus dosa  
sebagaimana air itu memadamkan  
api"

Hadis Riwayat at-Tirmidzi



Yayasan Islam Darul Ehsan



yide.com.my



yide\_officialhq



Yayasan Islam Darul Ehsan



Kalau ada yang

**MUDAH**  
kenapa perlu **SUSAH?**

Tunaikan  
**ZAKAT HARTA & FITRAH**



zakatselangor | zakatTV@youtube

TALIAN ZAKAT SELANGOR 1 300 88 4343

www.zakatselangor.com.my



LEMBAGA  
ZAKAT SELANGOR  
MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

